


SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER II
SESI 2008/2009**

NAMA MATA PELAJARAN : BELANJAWAN DAN
PENGURUSAN KEWANGAN
SEKOLAH

KOD MATA PELAJARAN : BBG 3373

KURSUS : SARJANA MUDA PENGURUSAN
PENDIDIKAN

TARIKH PEPERIKSAAN : APRIL 2009

JANGKA MASA : 2 JAM 30 MINIT

ARAHAN : JAWAB LIMA SOALAN SAHAJA

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKA SURAT

SULIT

- S1 a) Nyatakan proses pengagihan peruntukan sekolah bertaraf PTj. (4 markah)
- b) Terangkan perbezaan pengurusan pembayaran gaji antara sekolah bertaraf PTj dengan sekolah bertaraf bukan PTj. (4 markah)
- c) Sekolah bertaraf bukan PTj mempunyai kelebihan lebih berautonomi dalam proses pembelian. Terangkan. (12 markah)
- S2 a) Apakah kandungan Buku Vot. (2 markah)
- b) Terangkan penyelenggaraan Buku Vot mengikut kehendak AP95. (8 markah)
- c) Huraikan peranan Guru Besar bagi meningkatkan dan menjamin akauntabiliti dan keberkesanan pengurusan kewangan di sekolah. (10 markah)
- S3 Bincangkan bagaimanakah sistem kawalan dalaman dapat meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan kewangan sekolah? (20 markah)
- S4 Huraikan bagaimana proses pembiayaan pendidikan di sekolah secara Perkongsian Pintar dapat dilakukan bagi menyelesaikan masalah yang timbul berhubung kekurangan peruntukan kewangan bagi melaksanakan sesuatu program. (20 markah)

- S5 a) Apakah definisi audit. (2 markah)
- b) Dengan menggunakan tiga contoh isu yang sering ditimbulkan dalam Laporan Audit Bersyarat, terangkan bagaimanakah masalah tersebut dapat diatasi oleh pihak sekolah? (18 markah)
- S6 a) Nyatakan maksud stor dan stok. (5 markah)
- b) Terangkan bagaimanakah kaedah pemeriksaan dan verifikasi stok dapat berfungsi untuk menyelenggara dan menguruskan segala daftar harta modal, inventori dan bekalan pejabat? (15 markah)
- S7 Peralatan komputer di makmal ICT sekolah anda telah melebihi 10 tahun. Sebagai Guru Besar, anda bercadang untuk menggantikan komputer tersebut dengan komputer yang baru.
- a) Apakah kriteria-kriteria yang boleh diambilkira untuk melupuskan peralatan komputer. (5 markah)
- b) Huraikan bagaimanakah proses-proses yang anda perlu ikuti untuk melupuskan komputer lama? (15 markah)
- S8 Pengurusan kewangan yang cekap dan berkesan bukan bermakna penjimatan wang tapi lebih kepada perbelanjaan berkesan yang dapat memberi hasil pendidikan yang terbaik. Bincangkan. (20 markah)